

13/12/1998

Pameran rumah seluruh negara

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pemaju perumahan, bank dan institusi kewangan yang terbabit dalam kempen pemilikan rumah mengadakan pameran di seluruh negara.

Perdana Menteri berkata, kempen itu bagi membolehkan bakal pembeli melihat sendiri model rumah, bangunan, kedai dan kilang serta mendapatkan maklumat lanjut mengenai hartanah berkenaan.

"Bagi mereka yang berminat, pengangkutan perlu disediakan untuk membolehkan mereka melawat tapak projek," katanya ketika merasmikan kempen itu, di sini semalam.

Dr Mahathir berkata, bank dan institusi kewangan serta peguam perlu membuka kaunter pada pameran itu untuk memudahkan bakal pembeli membuat keputusan mengenai rumah yang akan dibeli.

Kempen selama sebulan itu dianjurkan kerajaan dengan kerjasama Bank Negara Malaysia, Persatuan Pemaju Perumahan (HDAM), Persatuan Bank-Bank Malaysia dan Institusi Kewangan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan Pertama berkata, pameran itu perlu diadakan untuk mempercepat pembeli membuat keputusan, malah boleh dibuat serta merta.

Kempen yang disertai lebih 260 pemaju hartanah itu bertujuan untuk memulihkan sektor berkenaan.

Sementara itu, Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed memberitahu pemberita, pegawai daripada kementerian dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan turut ditempatkan di pameran berkenaan.

"Ini membolehkan pegawai daripada KWSP menyediakan maklumat dan meluluskan permohonan untuk mengeluarkan simpanan," katanya.

Mengulas mengenai saranan Perdana Menteri, Presiden HDAM, Datuk Eddy Chen berkata, pihaknya akan menganjurkan pameran hartanah di Lembah Klang, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

Menurutnya, tempat itu dipilih bagi memudahkan bakal pembeli di utara, tengah dan selatan berkunjung ke pusat berdekatan untuk melihat hartanah yang ditawarkan.

(END)